

“APA YANG MENENTANG KERANA TAKUT PADA PIHAK2 TERTENTU DAN TAKUT TIDAK POPULAR”

Hapus pemikiran sokong kerajaan tak bebas – PM

UM 16 JUN 1990

PPETALING JAYA 15 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta supaya dihapuskan pemikiran bahawa sekiranya akhbar menyokong kerajaan, itu adalah tanda mereka tidak bebas.

Perdana Menteri menegaskan, bebas bukan bermakna hanya untuk mengkritik kerajaan, tetapi juga bebas untuk menyokong kerajaan.

“Jika akhbar menentang kerajaan, ada yang menganggap ia sebagai bebas walaupun ia menentang kerana takut kepada pihak - pihak tertentu di luar kerajaan atau takut tidak popular dan akhbarnya tidak laris dijual,” katanya di majlis makan malam Kesatuan Kebangsaan Wartawan Malaysia (NUJ) di sini malam ini.

“Sebenarnya akhbar seperti ini juga tidak bebas,” kata beliau lagi.

Kata Perdana Menteri, akhbar yang dikongkong oleh matlamat - matlamat dan pihak - pihak tertentu sehingga tidak lagi berpegang kepada kebenaran, tidaklah bebas.

“Jangan ingat kerajaan sahaja yang boleh menjejaskan kebebasan akhbar. Pemilik, pengarah, pengarang, kepentingan kewangan dan dorongan populariti - semuanya ini boleh menjejaskan kebebasan akhbar,”

ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, pemimpin - pemimpin kerajaan tidak mempunyai kuasa yang mutlak. Rakyat boleh menggantikan kerajaan dan mahkamah pula boleh membatalkan keputusan kerajaan.

Oleh itu, ujar beliau, akhbar - akhbar di Malaysia mesti menerima sekatan - sekatan tertentu yang bertujuan untuk menjaga kepentingan negara dan bukannya untuk menidakkan kebebasan akhbar.

Dato' Sri Dr. Mahathir kesal kerana disebabkan ada tiga atau empat akhbar di Malaysia tidak mengecam kerajaan secara melulu, kerajaan dituduh tidak mendo-kong kebebasan akhbar.

“Di Malaysia terdapat banyak akhbar yang anti kerajaan. Berita - berita yang dibuat amatlah buruk dan merupakan sindiran,” kata Perdana Menteri.

Tegas Dato' Sri Dr. Mahathir, akhbar - akhbar ini melaporkan pembbohongan - pembbohongan secara langsung tetapi mereka masih kekal.

Menurutnya, adanya akhbar seperti ini di Malaysia tidak menghalang orang tertentu menuduh akhbar - akhbar di negara ini tidak bebas.

“Pendek kata, jika negara Barat melakukan apa sahaja, mereka tidak salah tetapi jika Malaysia dan negara - negara membangun yang lain buat perkara yang sama, mereka salah,” katanya.

LIHAT MUKA 2

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

HAPS PEMIKIRAN SOKONG KERAJAAN TAK BEBAS

Katanya: "Apakah tidak ada langsung kebaikan yang berlaku di Malaysia? Apakah Malaysia dan semua negara membangun begitu buruk?"

Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan para wartawan supaya mempunyai semangat patriotisme dan tidak dijadikan alat kepada akhbar - akhbar asing.

"Janganlah sanggup membuat laporan tidak berasas kerana akhbar - akhbar asing tidak suka kepada apa - apa yang positif di negara - negara yang mereka tidak lagi menjadi tuan.

"Berpeganglah kepada kebenaran. Jangan sanggup menjual maruah bangsa kerana wang ringgit," tegas beliau.

Perdana Menteri kesal kerana masih ada sesetengah pihak di negara ini menganggap jika sesuatu yang diamalkan di Barat, ia tetap demokratik tetapi jika diterokai oleh kerajaan, ia tidak demokratik.

Mentaliti hamba atau penjajah, ujar beliau, masih sukar dikikis dan sikap rendah diri masih menguasai diri mereka.

"Walaupun negara sudah merdeka, pemikiran mereka masih belum bebas dan merdeka," kata Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, Malaysia menerima prinsip - prinsip demokrasi tetapi amalannya mesti sesuai dengan keadaan dalam sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum, bahasa, agama dan kebudayaan.

Beliau menegaskan, jika ada perbezaan antara amalan demokrasi di negara ini dengan demokrasi negara Barat, janganlah anggap bahawa Malaysia tidak demokratik.

"Semasa negara - negara maju berada di tahap kita, mereka juga tidak mengamalkan sistem dan nilai yang mereka amalkan sekarang," katanya.

Perdana Menteri berkata, keadaan anarki di beberapa buah negara yang demokratik adalah disebabkan pegangan kepada tafsiran tertentu mengenai demokrasi.

"Apakah gunanya demokrasi jika rakyat menjadi miskin, hidup dalam ketakutan, dibunuh tanpa sebab dan lebih suka berhijrah ke negara lain," tegas beliau.

Perdana Menteri berpendapat, tidak ada gunanya demokrasi sekiranya ia hanya membawa keburukan dan menghindar kebaikan.